

Tindik dan tatu menjadi kegilaan

WALAU apa pun yang dikatakan mengenai bertatu dan bertindik, kita perlu mengiakan bahawa kedua-dua perkara ini adalah sebahagian daripada cabang fesyen di kalangan peminatnya. Jika tidak masakan salun yang menawarkan khidmat mencacah tatu dan bertindik boleh didapati di kebanyakan pusat beli-belah utama di ibu kota. Apatah lagi apabila kerajaan membenarkan pembukaan premis ini dengan pemberian lesen perniagaan bagi kedai tatu pada 1998.

Mengunjungi kedai Spec Body Art Tattoo & Piercing di Plaza Sungei Wang, penulis mendapati banyak gambar daripada hasil tindik di telinga, hidung, bibir malah ada yang bertindik di payu dara dan kemaluan sama ada lelaki atau perempuan. Agak memualkan menatap gambar tindik di bahagian tubuh yang terlalu peribadi sedemikian. Walaupun kita tidak tahu siapa empunyaanya, namun membenarkan gambar diambil selepas bertindik di bahagian itu amat sinis perlakuannya. Saya tidak faham tujuan bertindik keterlaluan apatah lagi di tempat tidak sepatutnya namun bagi krew yang bertugas sebagai tukang tindik, Ronny Lai, 34, bertindik berkait rapat dengan fesyen dan seseorang itu boleh meningkatkan keyakinan diri apabila tampil berbeza daripada orang lain.

Sebagai tukang tindik yang sudah berpengalaman menindik selama lima tahun, dia menindik mengikut permintaan pelanggan. Menurut Ronny, fesyen tatu dan tindik mula diterima ramai apabila kerajaan mula mengeluarkan lesen. Hal ini disebabkan pelanggan berasa yakin untuk mencacah tatu dan bertindik kerana mereka mengamalkan tahap kebersihan yang sepatutnya berbanding sebelum ini yang mana mereka ragu-ragu dengan tahap kebersihan bagi mengekang penyakit berjangkit seperti Hepatitis dan HIV. "Walaupun di Malaysia tiada undang-undang menyatakan had usia untuk bertindik atau bertatu namun di kedai ini kami menetapkan seseorang itu perlu berusia 16 tahun ke atas untuk bertindik dan 18 tahun ke atas untuk bertatu," kata Ronny.

Menurutnya, pelanggan yang mendapatkan khidmat mencacah tatu begitu ramai dan lazimnya berusia dari 18 hingga 68. Wanita pula lebih menyukai tindik berbanding tatu. Apabila pelanggan mendapatkan khidmat tindik atau tatu, krew akan memberikan tip penjagaan bagi mengelakkan sesuatu yang tidak diingini.

"Kami ajar pelanggan memelihara kebersihan agar tidak dijangkiti kuman, contohnya jika kemalangan hingga menyebabkan lubang tindik itu berdarah. Pelanggan boleh datang ke kedai untuk mendapatkan nasihat." Selain itu, pelanggan diberitahu mengenai kebaikan air garam iaitu sejenis antiseptik semula jadi dan sangat bagus digunakan untuk mencuci tempat yang bertindik. Ia mempercepat proses penyembuhan.

Peralatan punca penyakit berjangkit?

Apabila berurusan dengan perkara membabitkan darah paling diragukan ialah jangkitan virus dan paling ditakuti ialah HIV. Menggunakan jarum untuk bertindik dan bertatu tidak mustahil boleh menyebabkan penularan virus itu. Antara peralatan yang digunakan untuk proses bertatu ialah mesin tatu, tiub, jarum dan pewarna. Pewarna yang digunakan mengandungi alkohol, *glycerin* dan *distilled water*. Oleh itu sebagai langkah berjaga-jaga, Spec Body Art Tattoo & Piercing mewajibkan semua bakal pelanggannya mengisi borang yang memaklumkan butir peribadi termasuk maklumat kesihatan.



Peralatan tatu.



Peralatan bertindik.

"Kami memerlukan pelanggan yang mengisi borang untuk memaklumkan sama ada mereka pernah membuat ujian darah untuk penyakit seperti Hepatitis A, B atau C dan HIV dalam masa enam bulan daripada tarikh mereka ingin bertatu atau bertindik. Maklumat ini perlu supaya kami berhati-hati dalam proses bertindik atau tatu."

Menurut Ronny, mereka tidak mahu dianggap sebagai penyebar penyakit. Disebabkan itu mereka menggunakan jarum baru setiap kali membuat proses tindik atau tatu. Selepas digunakan, jarum dibengkokkan di hadapan pelanggan dan dimasukkan di dalam bekas khas untuk dihantar ke hospital untuk dilupuskan.

"Kami sedar pekerjaan ini berisiko tinggi dijangkiti pelbagai penyakit kerana kami tidak kenal latar belakang pelanggan. Malah kami tidak tahu jika pelanggan berbohong mengatakan tiada HIV. Disebabkan itu crew di sini perlu kerap menjalani ujian darah."

Spec Body Art Tattoo & Piercing menggunakan mesin 'auto clave' yang berfungsi membunuh kuman dan virus. Mesin ini bertindak membunuh kuman dan virus dengan suhu setinggi 126 darjah celsius.

"Inilah bezanya pusat tatu dan tindik berlesen dengan tidak berlesen. Kami perlu menjaga kebersihan peralatan mengikut garis panduan Kementerian Kesihatan."

Peralatan tindik dan tatu

Forcep

Berfungsi mengepit bahagian yang hendak ditindik, menimbulkan rasa kebas dan memastikan tempat tindik yang paling tepat. Digunakan berulang kali kepada pelanggan hingga alat itu longgar. Pun begitu, setiap kali digunakan ia akan dibasuh dan dinyahkuman.

Jarum dan mesin tatu

Berfungsi sebagai alat menebuk lubang takkala bertindik. Untuk proses bertatu, jarum ialah alat untuk melukis. Jarum digunakan sekali sahaja bagi setiap pelanggan. Kemudian dibengkokkan di hadapan pelanggan sebelum dimasukkan ke dalam bekas khas. Lebih besar nombor siri jarum, maka lebih haluslah saiz jarum itu. Jarum dimasukkan di dalam mesin tatu ketika melukis corak diingini di atas kulit.

Pewarna, bekas pewarna dan pemegang bekas pewarna berfungsi mencetuskan warna pada bahagian yang dilukis. Ada pelbagai jenis pewarna namun kebanyakan mengandungi alkohol. Pewarna digunakan bersama bekas pewarna dan pemegang bekas pewarna.

Sarung tangan


Tatkala menindik atau mencacah tatu, pekerja perlu memakai sarung tangan getah sebagai langkah kebersihan. Sebelum memulakan tugas, tangan dicuci dengan sabun antiseptik.

Minyak bayi dan cecair kumur antiseptik


Minyak bayi disapu kepada tubuh sebelum bertindik dan bertatu manakala sebelum pelanggan ditindik pada sesuatu bahagian di mulut (lidah atau bibir), pelanggan dikehendaki berkumur dengan cecair antiseptik.



Antara pameran foto yang diambil hasil lukisan tatu pada tubuh pelanggan.



Pelbagai hiasan tindik yang dijual.



Jarum yang sudah digunakan diletak dalam bekas khas.



Mesin 'auto clave' untuk membunuh kuman.



Cara mencacah tatu.